



**PEJABAT DAERAH BARAT DAYA
11000 BALIK PULAU
PULAU PINANG**

Tel : 04-8691104 Faks : 04-8661593

Ruj. Kami : PDBD/PRP/82-05/12 BM(PM)

Tarikh : 02 Ogos 2012

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas 'F' di bawah tajuk / kepala **Kepala IV subkepala3(b)** untuk menyertai sebutharga bagi kerja-kerja berikut:-

SEBUTHARGA NO.: 07/2012

NAMA PROJEK : MENURAP TAR DI JALAN BUKIT AYON, SUNGAI TIRAM

2. Hanya Kontraktor yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan (Sistem Tender dan Sebutharga Online)** Negeri Pulau Pinang serta memiliki Sijil PKK dan CIDB yang terkini sahaja boleh menyertai sebutharga.
3. Kontraktor yang ingin menyertai sebutharga diminta berkumpul **Kedai Roti Canai Bukit Ayon** pada tarikh **09 Ogos 2012 (Khamis) jam 9.00 Pagi** untuk sesi taklimat. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi di laman web e-perolehan dengan harga RM10.00. Bayaran boleh dibuat secara kad kredit atau CIMB clicks.
4. Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang melawat tapak sahaja. Wakil Kontraktor adalah **tidak dibenarkan**. Kontraktor yang menyertai lawatan tapak hendaklah membawa **salinan asal sijil PKK, Sijil CIDB dan Resit Pendaftaran e-Perolehan yang terkini**. Kontraktor yang gagal mematuhi syarat di atas **tidak akan dibenarkan** menyertai lawatan tapak dan memasuki sebutharga.
5. Sebutharga yang lengkap beserta salinan **Sijil PKK, Salinan Sijil CIDB, Resit pembelian sebutharga dan Penyata Bank Terkini** hendaklah dimasukkan dalam peti sebutharga di Bahagian Pembangunan PDBD selewat-lewatnya pada **16 Ogos 2012 (Khamis) sebelum jam 12.00 tengahari**.

(MOHD ZAKI BIN ABDUL RAHMAN)

Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan).

b.p Pegawai Daerah

Daerah Barat Daya,

PULAU PINANG



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH BARAT DAYA
11000 BALIK PULAU
PULAU PINANG**

**BIL. S/HARGA:
07/2012**

Ruj. Kami : PDBD/PRP/82-05/12 BM(PM)
Tarikh : 02 Ogos 2012

SEBUTHARGA UNTUK :

MENURAP TAR DI JALAN BUKIT AYON, SUNGAI TIRAM

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA SAHAJA)

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam:

KELAS : "F"
TAJUK : Kepala IV Sub Kepala 3(b)

Sebutharga yang lengkap beserta Salinan Sijil PKK, Salinan Sijil CIDB dan Penyata Bank Terkini hendaklah dimasukkan dalam peti sebutharga di bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Barat Daya, Balik Pulau, Pulau Pinang selewat-lewatnya pada **16 Ogos 2012 (Khamis)** sebelum **jam 12.00 tengahari**.

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA)

Nama Kontraktor :

Alamat Kontraktor :

No. Tel : **No. H/P :**

No. Pendaftaran : **Kelas :**

Tandatangan dan Nama Pegawai

(MOHD ZAKI BIN ABDUL RAHMAN)

Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan).

b.p Pegawai Daerah

Daerah Barat Daya.

Yang mengeluarkan Dokumen Sebutharga.

Tarikh:



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH BARAT DAYA
11000 BALIK PULAU
PULAU PINANG**

SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

SEBUTHARGA NO : 07/2012

**SEBUTHARGA UNTUK : MENURAP TAR DI JALAN BUKIT AYON, SUNGAI
TIRAM**

1. Kontraktor hendaklah menyerahkan **Dokumen Sebutharga yang lengkap beserta salinan Sijil PKK, Salinan CIDB dan Penyata Bank Terkini** didalam satu sampul surat bertutup beralamat seperti yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
2. Kontraktor hendaklah mencatatkan dalam ruang yang disediakan dalam Borang Sebutharga tempoh/jangka masa yang dikehendaki bagi menyiapkan kerja-kerja itu.
3. Kontraktor yang memasuki Sebutharga ini, disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan tawaran, tentang keadaan tapak bina dan sekitarnya, takat dan jenis kerja, bahan-bahan dan barang-barang yang perlu bagi menyiapkan kerja-kerja, cara perhubungan dengan akses ke tapak bina dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal yang mempengaruhi dan menjejaskan tawarannya.
4. Kontraktor diingatkan bahawa tawaran harga yang disebut adalah disifatkan sebagai harga yang meliputi semua perbelanjaan keuntungan, upah, bahan-bahan insuran dan lain-lain untuk menyiapkan semua kerja-kerja yang dimaksudkan.
5. Kontraktor telah disifatkan telah menyelidiki dan memahami dengan jelas akan maksud dan kehendak kerja-kerja dalam sebutharga dan hendaklah melaksanakan dan menyiapkan dengan sempurna mengikut lukisan-lukisan pelan (jika ada), penentuan kerja, syarat-syarat sebutharga dan juga arahan-arahan Pegawai Penguasa dari pejabat ini.
6. Kontarktor yang berjaya dalam Sebutharga adalah dikehendaki menyerahkan kepada pihak PDBD atau Pegawai Penguasa perkara-perkara berikut :-
 - i. Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga kontrak secara Draf Bank dan Jaminan Bank yang diluluskan.
 - ii. Polisi Insuran Tanggungan Awam(iaitu Insuran anggaran terhadap bencana kepada orang awam dan kerosakan kepada harta).
 - iii. Polisi Insuran Pampasan Pekerja(merupakan anggaran jumlah pendapatan daripada pekerja-pekerja kontraktor yang termasuk di bawah skim PERKESO).

7. Kesemua kerja-kerja mestilah disiapkan dalam tempoh yang ditawarkan dalam borang sebutharga atau dalam masa yang dilanjutkan oleh Pegawai Penguasa secara bertulis. Tarikh mula dan tarikh siap adalah seperti yang tercatat dalam Indent Kerja yang dikeluarkan kepada kontraktor berjaya.
8. Jika Kontraktor menarik diri daripada Sebut Harga yang telah diberikan kepadanya tanpa sebarang alasan atau tidak menyiapkan kerja seperti mana yang disyaratkan, Pegawai Penguasa boleh mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Kontraktor berkenaan.
9. Jika Kontraktor gagal menyiapkan dengan sempurna kerja sebutharga ini, Pegawai Penguasa adalah berkuasa menahan segala pembayaran atau membuat potongan kerja yang belum siap atau yang tidak sempurna itu. Sekiranya perkara ini berlaku, Pegawai Penguasa boleh mengambil tindakan untuk menyiapkan baki kerja itu atau yang tidak sempurna itu untuk dilaksanakan oleh Kontraktor lain. Segala rayuan dan tuntutan daripada Kontraktor Asal yang berjaya dalam sebutharga ini **TIDAK AKAN DILAYAN**. Pegawai Penguasa akan mengesyorkan kepada Pusat Khidmat Kontraktor supaya kontraktor tersebut **DISENARAI HITAMKAN**.
10. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan dibenarkan boleh dibuat pada borang sebutharga atau mana-mana dokumen sebutharga melainkan yang ditawarkan atau yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.
11. Mana-mana sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dipertimbangkan.
12. Jawatankuasa Sebutharga tidak terikat untuk menyetujui terima sebutharga yang rendah sekali atau sesuatu sebutharga dan juga terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu sebutharga.
13. Bayaran pendahuluan tidak boleh dipohon oleh Kontraktor.
14. Tempoh kecacatan kerja-kerja ini dari tarikh siap (jika tidak dinyatakan) ialah **enam bulan**. Kontraktor akan menanggung kos pembaikan sekiranya kecacatan tersebut dilaksanakan oleh Pegawai Penguasa.

BORANG SEBUTHARGA

SEBUTHARGA : 07/2012

NAMA PROJEK : MENURAP TAR DI JALAN BUKIT AYON, SUNGAI TIRAM

Pegawai Daerah
Daerah Barat Daya
11000 Balik Pulau
PULAU PINANG

Tuan,

Saya/Kami telah meneliti syarat-syarat Sebutharga, ringkasan dan penentuan kerja, lukisan-lukisan (jika ada), maksud dan taksiran serta melawat tapak dan telah menyelidiki sebelum membuat tawaran ini.

2. Saya/Kami telah mempertimbangkan dengan sewajarnya dan mengambil keputusan bersetuju menyertai tawaran untuk melaksanakan kerja dan segala keperluan, membekal tenaga pekerja, bahan-bahan dan loji dan segala perkara yang tercatat di dalam syarat-syarat sebutharga, penentuan kerja, lukisan-lukisan (jika ada) dan butir-butir tawaran bagi menyiapkan projek ini dengan sejumlah wang pukal sebanyak RM.....

(Ringgit Malaysia :)

3. Saya/Kami bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam tempohdari tarikh menerima Inden Kerja atau dalam apa-apa tempoh yang diperuntukkan dalam syarat-syarat sebutharga.

4. Saya/Kami bersetuju menjadi terikat dan tunduk kepada syarat-syarat dan spesifikasi tersebut dan jika sebutharga ini disetujuterima, harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan ringkasan kerja hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahannya tanpa mengubah jumlah wang pukal. Jadual Kadar Harga selepas diselaraskan akan menjadi asas bagi menilai apa-apa perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pegawai Penguasa dari masa ke semasa, tetapi jika perubahan itu melibatkan peninggalan atau pertambahan sesuatu butiran kerja yang harganya akan diberikan dalam ringkasan sebutharga, maka harga ini akan menjadi asas bagi menilai perubahan itu.

5. Saya/Kami memahami bahawa Jawatankuasa Sebutharga sentiasa berhak menyetujuterima atau menolak sebutharga ini, samada ianya lebih rendah atau lebih tinggi atau sama amaunnya dengan sebutharga lain tanpa memberi apa-apa sebab.

6. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa borang sebutharga ini hendaklah menjadi kontrak yang mengikat kita walaupun Perjanjian Kontrak yang formal belum dilaksanakan.

7. Jika sekiranya sebutharga ini disetujuterima, Saya/Kami enggan dan tidak melaksanakan perjanjian kontrak yang formal atau meneruskan kerja-kerja sebagaimana yang dikehendaki, maka Pegawai Penguasa sentiasa berhak mengambil tindakan atau mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membatalkan pendaftaran syarikat Saya/Kami sebagai Kontraktor Kerajaan.

Bertarikh :

Tandatangan Kontraktor :
:
(Cop Syarikat)

Tandatangan Saksi :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

.....

.....

No. Telefon :



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH BARAT DAYA
11000 BALIK PULAU
PULAU PINANG**

Tel: 04-8691104

SEBUTHARGA NO : 07/2012

**NAMA PROJEK : MENURAP TAR DI JALAN BUKIT AYON, SUNGAI
TIRAM**

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA SAHAJA)

Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggapkan telah dimasukkan di dalam harga butiran lain. Penender adalah dianggap telah melawat tapak bina dan membaca syarat-syarat kontrak bersama-sama dengan pelan dan spesifikasi untuk memastikan sendiri liputan kerja yang terlibat sebelum memperhargakannya kerana sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.

Harga yang di tawarkan : RM

(Ringgit Malaysia :)

Tandatangan Kontraktor :

Nama, Alamat dan Cop

Kontraktor :

.....

.....

Tempoh Siap Kerja : Minggu

No Telefon :

No. H/P :

PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH BARAT DAYA

BUTIRAN PROJEK: JALAN TAR KG. BUKIT AYON

BIL.	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	HARGA (RM)
1	KERJA KERJA PERMULAAN, BUTIRAN:				
1.1	Kehendak-kehendak permulaan dan syarat syarat am bagi penyediaan insurans untuk public liability, workmen compensation dan lain lain kerja berkaitan			Harga pukal	
1.2	Menyediakan peralatan serta bahan sebelum menjalankan kerja termasuk penyediaan laporan bergambar			Harga pukal	
2	Penggalian ke aras laras bermula dari aras bentukan termasuk membentuk curam dan kember(cambers) bagi mendapatkan aras seperti yang ditentukan.	m3	84.00		
3	150mm tebal batu baur hancur atau bahan dasar jalan (road base) lain yang setara dan diluluskan, dimampatkan seperti yang ditentukan.	m2	8*50 400.00		
4	40mm tebal lapisan haus(macadam bitumen) termasuk satu lapisan bitumen cecair(tact coat) disembur pada Kadar 2 liter/meter persegi dan dimampatkan dengan mesin penggelek 8 tan.	m2	8*65 520.00		
5	60mm tebal lapisan pengikat(binder course) termasuk lapisan asas berbitumen bergred penembuasan 80/100 (prime coat) disembur pada kadar 4 liter/meter persegi dan lapisan atas disembur pada kadar 1.4 liter persegi dan dimampatkan dengan mesin penggelek 6 tan.	m2	8*50 400.00		
6	Kerja -kerja coring test			Harga pukal	
Jumlah dibawa ke sebelah :					

PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH BARAT DAYA

CATITAN :

Untuk keterangan lanjut bagi kerja-kerja di bawah, pihak kontraktor mestilah merujuk kepada cacatan, pelan dan Penentuan Am yang disertakan.

Ringkasan Sebutharga ini mestilah diisi dengan lengkap dan dikemukakan bersama-sama dengan borang Tawaran

Jika ada butiran-butiran yang dikehendaki dalam spesifikasi dan skop kerja yang tidak termasuk di dalam sebutharga ini, harga butiran tersebut hendaklah dimasukkan kedalam mana-mana butiran sebutharga tersebut.

semua ukuranyang tercatat dalam Ringkasan Tawaran ini adalah anggaran (provisional), pengukuran semula akan dibuat selepas kerja siap untuk dibuat bayaran.

.....
TANDATANGAN KONTRAKTOR

Nama:

No K/P:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Syarikat:

.....
TANDATANGAN SAKSI

Nama:

No. K/P:

Tarikh:

PENENTUAN AM
BAGI

MENURAP TAR DI JALAN BUKIT AYON, SUNGAI TIRAM

Penentuan:

Penentuan Am ini hendaklah dibaca dan disemak bersama-sama dengan Ringkasan Tawaran.

Lawatan Ke Tapak:

Kontraktor adalah dinasihatkan melawat tapak untuk mengenal pasti bidang kerja yang terlibat kerana sebarang tuntutan tidak akan dilayan akibat daripada kegagalan kontraktor mengenalpasti bidang kerja sebelum memasuki tawaran.

Sebarang halangan ditapak, kerosakkan yang dijangka akan timbul perlu diambil kira dan untuk memasang semula atau sekiranya perlu diganti ketaraf yang sama, hendaklah dimasukkan dalam sebutharga.

Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebarang alat jentera yang difikirkan perlu untuk menjalankan kerja tersebut.

KEHENDAK-KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM :

Kontraktor juga dikehendaki mengemukakan insuran dan dokumen seperti berikut:-

- a) Workmen Compensation.
- b) Public Liability
- c) **Portfolio/Profail Syarikat (jika ada** hendaklah dikemukakan bersama dengan borang sebutharga semasa memasuki tawaran)
- d) Laporan Bergambar (dikemukakan selepas siap projek)

Bidang kerja:-

1. PENYEDIAAN SUB- GRED

Penyediaan sub-gred hendaklah dijalankan sejurus sebelum lapisan asas dibina. Semua tanah yang lembut atau pun bahan yang tidak sesuai di paras sub-gred hendaklah dibuang dan digantikan dengan tanah yang bermutu atau bahan tambunan lain yang diluluskan.

2. LIPUTAN KEPADA SUB-GRED

Lapisan sub-gred yang telah disediakan hendaklah diliputi dengan habuk kuari atau pasir yang diratakan sehingga setebal 50mm selepas dimampatkan. Jika pasir digunakan ia hendaklah dari jenis yang telah digred dan bersih dari bahan-bahan tanah liat atau organik dan diluluskan oleh P.P. Semua sub-gred yang telah dilitupi dengan habuk kuari atau pasir hendaklah diluluskan oleh P.P sebelum lapisan asas dibina.

3. LAPISAN ASAS

Lapisan asas hendaklah dibina dari batu kerikil yang diperolehi dari pecahan batubatan yang bermutu dari gred yang sempurna mengikut saiz maksimum 75mm dan bersih dari bahan-bahan yang bertanah liat dan organik.

Untuk lapisan yang pertama, batu kerikil hendaklah diratakan sehingga setebal 125mm lapisan gembur dan hendaklah dimampatkan dan digelek sekurang-kurangnya 4 kali laluan jentera penggelek jalan yang beroda licin seberat 8 ton. Semua ruang perantaraan yang terdapat dipermukaan lapisan asas hendaklah dipenuhi dengan batu kerikil bersaiz 19mm dan penggelekan hendaklah diteruskan sehingga tidak berlaku sebarang pergerakan akibat tekanan jentera penggelek jalan.

Permukaan yang dimampatkan hendaklah kemudiannya dilitupi dengan habuk kuari dan direnjis dengan air dan disapukan ke dalam ruang perantaraan dan dimampatkan sekurang-kurangnya 6 kali laluan dengan jentera penggelek jalan yang sama.

4. PREMIX

Dimana premix digunakan untuk lapisan haus, permukaan lapisan asas hendaklah dibersihkan sepenuhnya dengan berus atau penyapu untuk membuang segala habuk dan satu lapisan tipis bitumen cecair jenis R.C 4 yang dipanaskan pada suhu di antara 90 darjah centigrade pada 112 darjah centigrade hendaklah disembur samarata pada kadar 0.435 liter semeter persegi permukaan.

Premix hendaklah diperolehi dari sumber yang diluluskan. Batu baur di dalam premix hendaklah berukuran diantara 12.5mm hingga 19mm. Premix hendaklah ditutup dengan rapi semasa mengangkut untuk melindungi dari cuaca buruk dan untuk mengurangkan kehilangan haba semasa dalam perjalanan. Premix hendaklah digunakan secepat yang boleh dan hendaklah diratakan di atas lapisan asas. Ianya hendaklah digelek serta dimampatkan kepada ketebalan yang samarata sebagaimana yang diluluskan oleh P.P. Kecuali jika selainnya dinyatakan lapisan haus hendaklah setebal 50mm setelah dimampat.

PERLANTIKAN WAKIL TAPAK

Kontraktor dikehendaki menyediakan seorang Wakil Tapak yang kompetan sepanjang tempoh kerja pembinaan ditapak dijalankan untuk memudahkan sebarang arahan diberi. Pekerja perlulah diawasi supaya tidak berkeliaran di luar kawasan kerja.

PROGRAM KERJA

Kontraktor yang berjaya dikehendaki mengemukakan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan sebutharga cara program pelaksanaan kerja yang menunjukkan setiap aktiviti dan tempoh kerja sepanjang tempoh kontrak dan mengemukakan laporan bergambar projek yang menunjukkan aktiviti kerja-kerja **sebelum, sedang** dan **selepas** siap.

KERJA-KERJA YANG DIROSAKKAN

Semua kecacatan yang dilakukan oleh kontraktor semasa menjalankan kerja di dalam sebutharga ini hendaklah diperbaiki dengan keadaan yang memuaskan oleh kontraktor dengan tanggungan sendiri sebelum penyerahan kerja keseluruhannya kepada Pegawai Penguasa. Kontraktor akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerosakan yang mungkin berlaku terhadap sesalur utama, sesalur bekalan, struktur struktur bersebelahan termasuk harta benda akibat kecuaiannya.

PENGIRAAN SEMULA KUANTITI

Setelah kerja-kerja siap dijalankan, kontraktor dikehendaki memaklumkan kepada Pegawai Penguasa untuk pemeriksaan keseluruhan kerja. Semua ukuran yang tercatat dalam Ringkasan Tawaran yang tercatat (prov.) adalah anggaran. Oleh itu pengukuran semula akan dibuat untuk proses pembayaran.

TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

Tempoh tanggungan kecacatan ialah 6 bulan. Kontraktor dikehendaki membaiki segala kecacatan sehingga memuaskan hati Pegawai Penguasa dengan tanggungan sendiri sekiranya terdapat kecacatan dalam tempoh tanggungan kecacatan tersebut.

PERCANGGAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA / PENENTUAN AM

Sebarang percanggahan (jika ada) pada dokumen sebutharga dan penentuan kerja hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Pegawai Penguasa untuk mendapat keputusan. Kontraktor dilarang sama sekali membuat keputusan sendiri mengenai perkara ini.



SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

(Tajuk dan Nombor Tender/Sebut Harga)

.....

Saya, (Nama Wakil Syarikat) nombor K.P. _____ yang mewakili
(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana
individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas.
Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat
di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
(Nama Kementerian / Agensi) atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk
dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju
tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut
harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut
kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang
berhampiran.

Yang Benar,

(Tandatangan) _____

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.



SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**MENURAP TAR DI JALAN BUKIT AYON
SUNGAI TIRAM
SEBUTHARGA NO : 07/2012**

Saya, nombor K.P. yang mewakili
..... nombor Pendaftaran

..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.